

**NO. SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**TARIKH : 30 NOV 2017**

**RUJUKAN : 10392**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan kes melibatkan kematian pegawai kastam kanan di Rantau Panjang, Allahyarhamah Anisah Bt Ali, yang maut akibat dilanggar Tonto. Apakah jaminan pihak Kerajaan kes ini disiasat dengan telus dan adil serta dapat memberi keyakinan kepada seluruh penguatkuasa dan masyarakat tentang keselamatan mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyiasat berkait Repot: Pasir Mas/004927/2016 bertarikh 7 Oktober 2016 di bawah Seksyen 304(A) Kanun Keseksaan. Kes tersebut merupakan kejadian yang berlaku di Jalan Kampong Banggol Chicha, Pasir Mas, Kelantan di mana kereta yang dinaiki oleh mangsa bersama anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah dihimpit dan dilanggar oleh kenderaan yang dipercayai kumpulan tonto hingga menyebabkan kenderaan mangsa terbabas dan melanggar pokok serta mengakibatkan seorang pegawai kastam telah meninggal dunia.

PDRM telah menangkap 5 orang suspek tetapi telah dibebaskan dan diberi jaminan oleh Timbalan Pendakwaraya kerana tiada bukti kukuh untuk mengaitkan mereka di dalam kes ini. Siasatan masih diteruskan dan pihak polis masih berusaha mengumpul maklumat dan petunjuk baharu untuk mengesan suspek.